

## SIARAN AKHBAR

### PROGRAM 'HARI KERJAYA KOLEJ COSMOPOINT KOTA KINABALU'

**SABAH, 7 Disember 2016** – Fakulti Hospitaliti & Pengurusan Pelancongan, Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu dengan kerjasama rakan industri seperti Best Western Premier Genting Ion Delemen (hotel bertaraf 5 Bintang), Genting Malaysia Berhad serta Perbadanan Labuan telah menganjurkan 'Hari Kerjaya' buat kali kedua di The Klagan Regency Kota Kinabalu. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar semester akhir serta graduan lulus dalam bidang Hospitaliti & Pengurusan Pelancongan, Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu tentang peluang kerjaya dalam industri berkaitan.

Antara pengisian utama program ini ialah 'Seminar Kerjaya Bersama Rakan Industri' serta temuduga terbuka untuk penempatan latihan industri bagi pelajar semester akhir. Graduan yang hadir pula dapat mengintai peluang pekerjaan dalam bidang yang bersesuaian dengan kelulusan mereka.

Program ini disertai oleh 75 orang pelajar semester akhir bidang Hospitaliti & Pengurusan Pelancongan serta lebih kurang 50 orang graduan lulus dalam bidang yang sama.

Memetik pandangan daripada salah seorang peserta program, Ismady Mohd Saidi, pelajar Diploma jurusan Pengurusan Pelancongan "Program ini sangat berfaedah kepada para graduan seperti saya yang sedang mencari peluang pekerjaan mahupun yang ingin mengembangkan lagi karier dalam bidang ini". Sementara itu, menurut pelajar semester akhir bidang Pengurusan Hotel, Nurulfarahana Roslan, "Program seumpama ini dapat memberikan pemahaman yang lebih baik berkenaan industri perhotelan dan peluang pekerjaan yang ditawarkan".

Program seumpama ini diharapkan akan menjadi platform terbaik dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan lulus Hospitaliti & Pengurusan Pelancongan Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu, selain itu ia diharapkan juga dapat membantu memenuhi keperluan tenaga kerja dalam sektor Hospitaliti & Pengurusan Pelancongan khususnya di negeri Sabah dan amnya di seluruh Malaysia.

Program ini diakhiri dengan Majlis Makan Malam sempena meraikan sambutan ulang tahun Kolej Cosmopoint yang ke-25. '*Cosmic 25th Anniversary Dinner*' ini adalah anjuran bersama Jabatan Hal-Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPM) serta Kelab Hotel Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu.

Antara penaja yang turut terlibat memberikan sumbangan untuk Cabutan Bertuah ialah :

1. Perbadanan Labuan
2. Best Western Premier Genting Ion Delemen
3. Genting Malaysia Berhad
4. The Klagan Regency Hotel Kota kinabalu
5. Hyatt Regency Kota Kinabalu
6. Grandis Hotels & Resorts Kota Kinabalu
7. TYH Borneo Tours & Travel Sdn Bhd
8. Traverse Tours Sdn Bhd

-TAMAT-

#### Mengenai Kolej Cosmopoint

Kolej Cosmopoint ditubuhkan pada tahun 1991 dengan 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak telah menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint berjaya melahirkan lebih daripada 100,000 siswazah di seluruh negara dalam pelbagai bidang. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint menawarkan program-program yang berasaskan industri seperti Pelancongan, Perhotelan, Seni Kulinari, Seni Pastri, Teknologi Maklumat, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Aplikasi Multimedia, dan Senireka Grafik Berkomputer. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my)

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi :

Untuk sebarang pertanyaan media:

**Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd**

**Elyantie Mohamed**

**Pengurus, Pemasaran & Komunikasi**

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

**Yasmin Yusoff**

**Pegawai Kanan, Pemasaran & Komunikasi**

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my